



---

## **PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)**

---

**Bilangan 01 Tahun 2021**

**PENETAPAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN SESI  
OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021 BAGI PELAJAR BAHARU  
YANG MENERIMA TAWARAN KOLEJ KEDIAMAN  
DAN PELAJAR LAMA YANG TELAH DILULUSKAN  
PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenaan penetapan yuran kolej kediaman sesi Oktober 2020 – Februari 2021 bagi pelajar baharu yang menerima tawaran kolej kediaman dan pelajar lama yang telah diluluskan permohonan kolej kediaman.

### **LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui kenyataan media bertarikh 2 Oktober 2020 telah mengumumkan penangguhan pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) kemasukan Oktober 2020 berikutan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku hanya selang beberapa hari sahaja dari tarikh kemasukan pelajar baharu ke Universiti.

3. Lanjutan daripada pengumuman tersebut, UiTM melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 24 Tahun 2020 bertarikh 2 Oktober 2020 telah mengarahkan penangguhan pendaftaran secara fizikal dan bersemuka kepada semua pelajar UiTM bagi sesi Oktober 2020.

4. Susulan dari peningkatan kes pandemik COVID-19 tersebut, pindaan kepada kalendar akademik telah dibuat melalui Pekeliling Akademik Bilangan 23 Tahun 2020 bertarikh 30 November 2020 memandangkan terdapat perubahan prosedur operasi standard (SOP) kawalan dan pencegahan pandemik COVID-19. Pindaan tersebut melibatkan keperluan pelajar-pelajar untuk hadir ke kampus bagi melengkapkan pengajian semester akhir mereka sebelum menamatkan pengajian (pelajar kategori 2b).

5. Justeru, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengkaji keperluan untuk menstruktur semula yuran kolej kediaman yang lebih komprehensif serta bersesuaian dengan keadaan semasa pelajar kategori 2b.

6. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 1/2021 bertarikh 6 Januari 2021 telah meluluskan penetapan yuran kolej kediaman bagi sesi Oktober 2020 – Februari 2021 bagi pelajar baharu yang menerima tawaran kolej kediaman dan pelajar lama yang telah diluluskan permohonan kolej kediaman.

## PELAKSANAAN

7. Yuran kolej kediaman secara pakej ini dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

**Kategori 1: Pengurangan yuran kolej kediaman sebanyak 57% kepada pelajar yang menginap di kolej kediaman bagi sesi Oktober 2020 melebihi 15 hari**

Bil	Jenis Bilik	Kadar Sedia Ada (RM)	Kadar Selepas Pengurangan (RM)
1	Bilik Berdua	420.00	180.00
2	Bilik Bertiga	315.00	135.00
3	Bilik Berempat	210.00	90.00
4.	Bilik Khas Fakulti Perubatan 1	594.00	254.57
5	Bilik Khas Fakulti Perubatan 2	682.50	292.50
6	Bilik Khas Fakulti Perubatan 3	780.00	334.29
7	Bilik Khas Fakulti Perubatan 4	1,044.00	447.43

**Kategori 2: Kadar harian kepada pelajar yang menginap di kolej kediaman bagi sesi Oktober 2020 kurang 15 hari**

Bil	Jenis Bilik	Kadar Sehari (RM)
1	Bilik Berdua / Bertiga / Berempat	7.50
2	Bilik 'dorm'	5.00
3	Bilik Fakulti Perubatan	20.00

8. Namun begitu, struktur yuran kolej kediaman ini tidak terpakai kepada:

8.1 pelajar yang diluluskan pengecualian yuran kolej kediaman berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-1141 bertarikh 10 Januari 2005 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-190 bertarikh 30 April 2014;

8.2 pelajar yang mengikuti pengajian Asasi di Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil; dan

8.3 pelajar pengajian profesional.

9. Sebarang kelulusan dan pindaan berkenaan perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak Universiti dari semasa ke semasa.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 25 Januari 2021.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

11. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 25 Januari 2021.

#### **PEMAKAIAN**

12. Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua pelajar baharu yang menerima tawaran kolej kediaman dan pelajar lama yang telah diluluskan permohonan kolej kediaman kecuali pelajar yang dinyatakan di perenggan 8.

13. Kadar yuran kolej kediaman ini hanya tertakluk bagi sesi Oktober 2020 – Februari 2021 sahaja. Kadar sedia ada akan terpakai semula pada sesi berikutnya atau pada mana-mana sesi yang akan dimaklumkan kemudian dari semasa ke semasa.



**PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan  
Dekan Fakulti  
Pengarah Pembangunan Pelajar  
Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)  
Ketua Unit Kemudahan Kolej  
Pengetua Kolej Kediaman  
Ketua Bahagian/Pusat/Unit HEP  
Pengurus Asrama Kolej Kediaman  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)  
YDP Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)  
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(UKK 6/5)  
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) Bil. 1/2021